

**Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM Kutuk Israel Berhubung Mesyuarat Mengenai Palestin**  
**Bernama**  
**6 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa peringkat Menteri mengenai Palestin bagi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) mengutuk Israel kerana menghalang jawatankuasa itu daripada mengadakan mesyuarat khasnya di Ramallah, Palestin, semalam.

Ia menyeru Biro Penyelaras NAM di New York menimbangkan 'peristiwa serius' itu seterusnya dan mengambil tindakan wajar.

"Jawatankuasa ini sangat-sangat membenci kenyataan bahawa ia tidak dapat menunjukkan perpaduan bersama rakyat Palestin dengan mengadakan mesyuarat di Ramallah," kata jawatankuasa tersebut menerusi kenyataan bersama kepada media di sini melalui Kementerian Luar.

Jawatankuasa itu berkata dengan menghalangnya daripada mengadakan mesyuarat tersebut, Israel, sebagai kuasa penakluk telah menggunakan alasan yang lemah bahawa anggota jawatankuasa berkenaan tidak mempunyai hubungan dengan Israel, tanpa mempedulikan bahawa lawatan itu adalah ke Ramallah di bumi Palestin dan bukannya ke Israel.

"Jawatankuasa ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan melampau Israel ini. Ia jelas melanggar prinsip undang-undang antarabangsa dan tanggungjawab Israel sebagai kuasa penjajah," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menegaskan bahawa tindakan Israel itu sekali lagi menunjukkan kepada NAM dan masyarakat antarabangsa kesukaran rakyat Palestin dalam perjuangan mencapai kemerdekaan penuh bagi wilayah mereka yang diduduki sejak Jun 1967 dengan menjadikan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negara.

Menurut kenyataan itu, tindakan Israel hanya akan menguatkan lagi keazaman NAM untuk membantu menjayakan perjuangan rakyat Palestin dalam memperoleh maruah dan hak sebagai sebuah negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685957>